

**PERATURAN DAN TERMA**  
**KHAIRAT KEMATIAN MASJID JAMEK AL MIZAN,**  
**JALAN DENAI UTAMA, KEMPAS BARU, 81200 JOHOR BAHRU**

**1. NAMA PERATURAN**

- 1.1. Peraturan ini dinamakan Peraturan dan Terma Khairat Kematian Masjid Al Mizan (KK-MAM), Jalan Denai Utama, Kempas Baru, Johor Bahru.
- 1.2. Peraturan ini diwujudkan untuk mengurus kewangan dan pengurusan berkenaan di bawah kelolaan Jawatankuasa Khairat Kematian Masjid Al Mizan.
- 1.3. Peraturan ini dilaksanakan selepas Mesyuarat Agung Pertama KK-MAM dan berkuatkuasa pada 23 September 2023 dan ditambahbaik pada Mesyuarat Agung Ke-2 pada 29 Ogos 2026.

**2. TAFSIRAN**

- 2.1 Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian Masjid Al Mizan ertinya satu tabungan oleh seseorang anggota / ahli Khairat Kematian ini untuk maksud kebajikan dengan menguruskan proses pengebumian jenazah .
- 2.2 Anggota / Ahli ertinya anggota / ahli yang telah mendaftar, membayar **yuran tahunan** dan telah disahkan oleh Pengerusi Khairat Kematian Masjid Al Mizan.
- 2.3. Keluarga anggota / ahli ertinya, ahli keluarga yang telah di namakan di dalam borang pendaftaran TKhairat Kematian Masjid Al Mizan seperti berikut:
  - 2.3.1 Suami atau ketua keluarga
  - 2.3.2 Isteri
  - 2.3.3 Anak atau anak angkat yang sah disisi undang-undang yang masih dalam tanggungan.
  - 2.3.4 Ibu dan/atau Bapa/Mertua yang tinggal bersama
  - 2.3.5 Mana-mana anggota keluarga selain diatas mesti mendapat kelulusan dari pihak KK-MAM.
- 2.4. Ahli Jawatankuasa Khairat Kematian Masjid Al Mizan ertinya pengelola yang dilantik.

**3. TUJUAN**

- 3.1. Untuk menyempurnakan keperluan tuntutan Fardhu Kifayah setempat. Jenazah akan diuruskan dengan lebih cermat dan teratur oleh rakan-rakan dan jiran yang mengenalinya.
- 3.2. Mementingkan hidup bermasyarakat dan membantu menyempurnakan jenazah Anak Kariah yang berdaftar serta merupakan jemaah Masjid Al Mizan.

- 3.3. Menambah pengetahuan dan pengalaman serta memberikan keinsafan dalam menguruskan jenazah.
- 3.4. Menyediakan satu persekitaran yang lebih mesra kejiranan dengan semangat musyawarah dan kerjasama.

Contoh : Menanggung urusan pengkebumian, mempercepatkan urusan birokrasi dan hal-hal berkaitan pengurusan Jenazah.

- 3.5 Membantu ahli waris mendapatkan khidmat nasihat daripada agensi-agensi berkenaan yang berkaitan faraid, khidmat nasihat dan sebagainya.
- 3.6 Masjid akan melaksanakan tahlil pada hari pertama kematian.

#### **4. PENYERTAAN**

- 4.1. Semua Kariah Masjid Jamek Al Mizan yang beragama Islam yang berminat untuk mendaftar untuk menjadi anggota / ahli Khairat Kematian Masjid Al Mizan.
- 4.2. Penyertaan daripada kariah luar daripada kawasan yang dinyatakan adalah terhad dan melalui kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa KK-MAM.
- 4.3. Semua borang **pendaftaran** hendaklah disertakan sumbangan **RM100.00 setahun** dan **yuran pendaftaran RM 20.00** (Tahun Pertama) dan telah disahkan oleh Pengerusi Tabung Khairat Kematian / Setiausaha / Bendahari.
- 4.4. Hak keanggotaan / keahlian tamat pada 31 Disember pada setiap tahun. Yuran Tahunan sebanyak RM100.00 mestilah dijelaskan sebelum 31 Mac pada tahun semasa.
- 4.5. **Kegagalan** dari membuat bayaran yuran tahunan pada selepas 31 Mac tahun semasa mengakibatkan hak-hak keahlian terlucut.
- 4.6. Sebarang perubahan dan penambahan anggota boleh dilakukan melalui borang yang disediakan dan disahkan oleh jawatankuasa KK-MAM.
- 4.7. **Tempoh Bertenang:** Penyertaan keahlian akan ditapis dan disahkan oleh jawatankuasa pengurusan KK-MAM dalam masa **tiga bulan** dari tarikh borang diterima. Pengesahan Ahli termaktub selepas tarikh Borang Pendaftaran diterima oleh pihak KK-MAM dan sahkan.
- 4.8. **Penukaran** nama peserta kepada ahli keluarga atau tanggungan (sepertimana dalam borang permohonan awal) adalah dibolehkan jika berlaku kematian peserta.
- 4.9. **Keahlian** Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Mizan Kempas Baru tidak boleh dipindah milik.

#### **5. SUMBER KEWANGAN**

- 5.1 Sumber kewangan Tabung Khairat Kematian Masjid Al Mizan adalah melalui sumbangan oleh setiap anggota sebanyak RM 100.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus sahaja) sekeluarga pada setiap tahun.

- 5.2 Sumbangan dari pihak orang ramai yang berminat.
- 5.3 Jika kedudukan kewangan Tabung Khairat Kematian Masjid Al Mizan merosot sebelum sampai penghujung tahun, Jawatankuasa diberi kuasa memutuskan untuk membuat pungutan sumbangan khas dari semua ahli dengan kadar bersesuaian yang ditetapkan.

## 6. FAEDAH-FAEDAH YANG DIPEROLEHI

- 6.1. Khidmat Bantuan Nasihat bagi pengurusan Jenazah dan hal-hal berkaitan pengurusan Jenazah.
- 6.2. Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian Masjid Al Mizan akan **menanggung semua urusan perbelanjaan sehingga RM 1,350.00 (Ringgit Malaysia satu ribu tiga ratus lima puluh sahaja). Tambahan RM 100 jika pengebumian pada waktu malam.** Bagi urusan pengurusan jenazah yang meliputi :

| Bil. | Perkara                                                                                                             | Kos Pengurusan |
|------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|
| 1    | Urusan mandi dan kafan jenazah                                                                                      | RM 500         |
| 2    | Pendaftaran lot kubur dan urusan penggalian liang lahad.<br>Tambahan RM 100 jika berlaku kematian pada waktu malam. | RM 450         |
| 3    | Kereta jenazah dari hospital di Johor Bahru dan ke Tanah Perkuburan di Johor Bahru                                  | RM 100         |
| 4    | Solat jenazah & bacaan talkin                                                                                       | RM 100         |
| 5    | Token kepada petugas bawa jenazah                                                                                   | RM 200         |
|      |                                                                                                                     |                |

Jadual 1; Pecahan kos pengurusan jenazah

- 6.3. Kadar **peratusan perbelanjaan** pengurusan yang **ditanggung** jika berlaku kematian kepada peserta dan ahli keluarga **dalam tahun yang sama** seperti berikut:
- 6.3.1. Kematian pertama 100%
- 6.3.2. Kematian kedua 75%
- 6.3.3. Kematian ketiga dan seterusnya 50%
- 6.4. Jika berlaku kematian serentak, kadar peratusan perbelanjaan pengurusan kepada peserta dan ahli keluarga seperti berikut:
- 6.4.1. Jenazah pertama 100%
- 6.4.2. Jenazah kedua 75%
- 6.4.3. Jenazah ketiga dan seterusnya 50%
- 6.5. Pengurusan Badan Khairat Kematian boleh menguruskan Jenazah bukan ahli khairat dengan kos di tanggung sepenuhnya oleh waris atas persetujuan dari Jawatankuasa.
- 6.6. Ahli Khairat Kematian yang diminta di kebumikan di luar Kawasan Johor Bahru perlu menanggung sebarang kos tambahan di luar kawalan seperti di nyatakan dalam Jadual 1 dengan persetujuan ahli Jawatankuasa.

## **7. PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN**

- 7.1. Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian Masjid Al Mizan dikelolakan sepenuhnya oleh Pengurusan KK-MAM bersama AJK KK-MAM. Dasar pengurusan wang tersebut ditentukan oleh Ahli Jawatankuasa Pengurusan Tabung Khairat Kematian Masjid Al Mizan.
- 7.2. Pengurusan Kewangan KK-MAM adalah berasingan dengan Pengurusan Kewangan JK Masjid Jamek Al Mizan.
- 7.3. Struktur Pentadbiran Khairat Kematian Masjid Al-Mizan:
  - 7.3.1. Pengerusi
  - 7.3.2. Bendahari
  - 7.3.3. Setiausaha
  - 7.3.4. Pembantu Tadbir
  - 7.3.5. Jawatankuasa Pengurusan Jenazah
- 7.4. Tugas Bendahari KK-MAM adalah seperti berikut :-
  - 7.4.1. Mengumpul dan mengeluarkan sejumlah wang atas Keperluan pengurusan jenazah yang telah dipersetujui.
  - 7.4.2. Mengurus dan mentadbir Kumpulan Wang Khairat Kematian dengan cermat dan amanah.
  - 7.4.3. Menyediakan akaun untuk diaudit oleh Jawatankuasa Audit
  - 7.4.4. Menyediakan Laporan Kewangan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Pengurusan Khairat Kematian

## **8. KEWANGAN**

- 8.1. Tahun Kewangan Kumpulan Wang Khairat Kematian Masjid Al-Mizan **bermula pada 1hb Januari dan berakhir pada 31 Disember** pada tahun sama.
- 8.2. Akaun Kumpulan Wang Tabung Khairat Kematian hendaklah diaudit oleh Dua(2) Juru Kira-kira yang di lantik dalam Mesyuarat Agung.
- 8.3. Tandatangan dan persetujuan 2 dari 3 penama yang dinamakan iaitu Pengerusi, Setiausaha atau Bendahari diperlukan sebelum sebarang transaksi kewangan boleh dilakukan.

## **9. PERTIKAIAN**

Jawatankuasa Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Mizan Kempas Baru mempunyai hak untuk memutuskan sebarang pertikaian atau tafsiran pada mana-mana klausa yang berkaitan.